

SARI PUSTAKA

SARI PUSTAKA BIL 1/2012

ISSN : 1675-0241



MARI
MEMBACA
1 MALAYSIA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

SARI PUSTAKA

SARI PUSTAKA BIL 1/2012

ISSN : 1675-0241

ULASAN BUKU



ROZIETA SHAARY
Aku layak berjaya

Petaling Jaya : True Wealth, 2011. 230ms.

ISBN 978-967-5428-70-8

ULASAN

Aku Layak Berjaya memberi penerangan lengkap mengenai rahsia kekuatan dalam diri untuk meraih kejayaan. Buku ini juga berkongsi kompas kejayaan dan memberitahu apa akan terjadi sekiranya anda berjaya serta apa bakal terjadi jika anda tidak berjaya.

Pada peringkat awal pembacaan, memang agak perlahan sedikit urutan penceritaannya. Beberapa kali saya hendak berhenti membaca, tetapi setelah sampai di tengahnya hingga ke akhirnya, keseronokan untuk mengikuti terus bacaan ini baru terasa dan barulah dapat apa yang dikatakan AKU LAYAK BERJAYA! itu. Memang kenalah dengan judulnya, hendak berjaya bukanlah senang. Hendak habiskan membaca buku ini bukanlah senang juga, apatah lagi untuk menjayakan sesuatu yang besar. Inilah pengorbanan dan permainan minda untuk berubah sama ada hendak terus atau tidak. Kalau orang yang cepat bosan, mungkin akan berhenti dipermulaan bacaan, tetapi seperti yang dikatakan tadi, hendak berjaya bukanlah suatu yang senang.

Dr. Rozietta Shaary membuka minda anda dengan persoalan " Layakkah kamu untuk berjaya?" Terdapat 12 soalan yang dikemukakan berkenaan perkara ini. Untuk berjaya anda perlu menjawab soalan yang diajukan dengan ikhlas.

Buku ini memberi kesedaran untuk berubah menjadi seorang yang berjaya tidak kira hendak menjadi jutawan, hartawan atau dermawan, malah yang duduk di rumah juga boleh berjaya dalam medium masing-masing. Kejayaan itu sendiri terlalu abstrak untuk ditafsirkan. Tiada kayu pengukur untuk mengatakan seseorang itu sudah berjaya atau belum berjaya atau tidak boleh berjaya. Semua orang boleh berjaya dalam skop dan signifikan masing-masing. Ramai orang meletakkan kejayaan itu dengan tanda aras seperti kereta besar, rumah besar, pakaian mewah, aset banyak dan sebagainya. Ruparupanya ia lebih daripada itu semua. Tiada kayu pengukur yang sebenarnya yang boleh diguna pakai untuk itu. Kalau orang hidupnya kereta kecil, rumah kecil, makan pakai cukup, hidup tidak berhutang, itu juga sudah dikira berjaya. Berjaya mengelakkan diri daripada menjadi mangsa hutang piutang, tidak seperti orang lain yang hidup senang lenang tetapi penuh dengan hutang yang kononnya kita lihat dia berjaya. Buku inilah yang memberi persepsi baru dalam menilai peranan diri untuk mencipta kejayaan.

Dr. Rozietta Shaary juga membongkar rahsia kejayaan serta mempersembahkan strategi dan penerangan lengkap mengenai rahsia kekuatan dalam diri untuk meraih kejayaan. Ianya juga memberi pendedahan untuk seseorang agar mampu memperoleh kejayaan dan mengubah keadaan hidup serta persepsi mereka bahawa semua orang layak untuk berjaya. Untuk meraih kejayaan, kita amat memerlukan ASK iaitu sikap yang betul, skill yang bertepatan serta ilmu yang membantu.

Aku Layak Berjaya juga menyentuh tentang kaitan antara kejayaan dan hukum alam, kekuatan minda dan kejayaan serta hukum penarikan.

Orang yang berjaya tidak pernah putus asa dan orang yang senang berputus asa tidak akan berjaya. Untuk berjaya juga memiliki jalan pintas. Jalan pintas yang dimaksudkan bukanlah bermakna kita berpeluk tubuh dan mengharapkan impian itu datang bergolek. Atau, berkahwin dengan orang kaya dan berjaya supaya kita boleh tumpang berjaya. Selain itu ada juga yang menggunakan taktik kotor sebagai jalan pintas. Walaupun ini

semua kelihatan seperti jalan pintas, namun, sebenarnya ia bukan jalan pintas ke arah kejayaan. Ia adalah jalan pintas ke arah kesengsaraan hidup. Jadi untuk mengetahui jalan pintas yang sebenarnya silalah baca *Aku Layak Berjaya!*

Apabila kita bercakap mengenai kejayaan, kita juga bercakap mengenai kekayaan. Tetapi kekayaan bukanlah prasyarat untuk berjaya kerana ramai yang berjaya bukan daripada golongan kaya.

Sebagai kesimpulan, seseorang itu mencapai kejayaan apabila dia berjaya mencapai apa yang dihajatkan, diidamkan, diimpikan dan diusahakan. Kedua, apa yang dia capai dan usahakan itu juga mestilah sesuatu yang menambah nilai ke dalam hidupnya dan semua manusia juga. Ketiga, kejayaan bukanlah sekadar destinasi. Kejayaan sebenarnya adalah perjalanan dalam mencapai destinasi itu. Malah perjalanan itu sangat penting dalam menjadikan kejayaan itu suatu yang bernilai tinggi.

Pengulas:

Sharifah Zamrud Syed Abdul Rahman


Penolong Pegawai Perpustakaan
Bahagian Pinjaman
Perpustakaan Negara Malaysia

SARI PUSTAKA

SARI PUSTAKA BIL 1/2012

ISSN : 1675-0241

ULASAN BUKU



CANFIELD, JACK, HANSEN, MARK VICTOR & AMY,
NEWMARK

Chicken soup for the soul : berfikir positif

Batu Caves, Selangor : PTS Professional Pub., 2012.

412ms.

ISBN 978-967-369-144-9

ULASAN

Siri buku *Chicken Soup for the Soul* diasaskan oleh Jack Canfield dan Mark Victor Hansen manakala Amy Newmark sebagai penerbit dan Ketua Editor. Mereka bertiga juga adalah penulis buku ini. Buku ini diterbitkan di Amerika Syarikat oleh Chicken Soup for the Soul Publishing, LCC pada tahun 2010 dan terdapat sejumlah 412 muka surat.

Dalam siri ini, terdapat 101 cerita dan pengalaman sebenar yang dilalui orang biasa dalam kehidupan mereka. Kisah-kisah dalam siri ini bukan sahaja dialami oleh mereka tetapi juga oleh orang yang mereka kasihi, jiran-jiran malah orang yang asing bagi mereka tetapi dapat memberi kesan kepada kehidupan harian. Situasi ini mengajar mereka untuk sentiasa bersyukur dan menghargai dengan apa yang ada. Sikap ini amat penting dalam kehidupan seharian agar kehidupan akan menjadi lebih bermakna.

Kisah-kisah yang dihimpunkan telah dibahagi kepada 10 bab dengan setiap bab memberi situasi yang berbeza-beza tentang kehidupan seharian:-

1. Kata-kata yang mengubah hidup saya
2. Cabaran Kesihatan
3. Setiap Hari Adalah Istimewa
4. Contoh Teladan
5. Menghitung Rahmat Tuhan
6. Mengatasi Musibah
7. Perubahan Sikap
8. Sinar Harapan
9. Pandang Ke Hadapan
10. Bersyukur

Setiap bab mengisahkan cerita yang berbeza di mana dapat memberi inspirasi, motivasi dan sentiasa bersikap positif walaupun dilanda musibah. Dugaan ini tidak selalunya akan merumitkan malah jika kita berfikiran positif maka setiap yang berlaku itu pasti ada hikmahnya.

Cerita daripada Ruth Heidrich seorang pesakit kanser cukup memberi impak yang besar kepada pembaca kerana walaupun menghidapi penyakit kritikal dan diberitahu oleh para doktor untuk mendapatkan rawatan kimoterapi, ianya langsung tidak meluntur semangat beliau. Berbekalkan semangat yang cekal dan berfikiran positif, beliau berjaya mengharungi penyakit kanser ini hanya dengan menukar diet makanan harian kepada sayur-sayuran dan buah-buahan, malah berjaya menamatkan marathon seperti orang biasa.

Shawn Decker menghidapi HIV positif akibat kesilapan perpindahan darah dalam rawatan hemofilia pada usia 11 tahun. Walaupun ianya dijangkiti akibat kesilapan orang lain, beliau tidak menyalahkan sesiapa. Kini di usia 30-an, beliau berbahagia sebagai seorang suami.

Cerita-cerita seperti ini sememangnya amat berkesan dan memberi semangat serta motivasi kepada setiap pembaca untuk meneruskan kehidupan seharian walaupun

dugaan yang mendarang amat sukar untuk diterima.

Pengalaman-pengalaman yang dilalui dalam siri ini juga cukup memberi kesan kepada pembaca. Misalnya terkurung di dalam klinik pergigian adalah sesuatu yang mungkin boleh membuatkan seseorang itu panik tetapi tidak kepada Leah M. Cano. Pengalaman terkurung ini telah memberi beliau peluang untuk mengenangkan senyuman daripada ahli keluarganya apabila terbaca katalog pengalaman pesakit klinik tersebut. Sikap beliau yang tenang dan positif telah memberi beliau peluang untuk menghargai detik-detik gembira bersama ahli keluarganya.

“Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.” Berpaksikan pada kata-kata tersebut, walaupun dalam keadaan yang terbatas, situasi ini tidak akan menghalang untuk melakukan sesuatu yang diminati. Musibah yang mendarang tidak akan menghalang apa juar jika ada kemahuan yang tinggi. Roy A. Bernes yang mengidap penyakit Asperger berjaya mengembara ke negara impiannya walaupun terdapat kekurangan pada diri.

Kisah-kisah dalam bab Sinar Harapan berkisarkan bagaimana kejadian yang berlaku dengan mengejut seperti diberhentikan kerja dan kecurian dompet, juga sesuatu yang positif yang boleh pelajari dari dugaan ini. Setiap yang berlaku pasti ada hikmahnya. Di sebalik kejadian yang berlaku ini, kita berpeluang untuk lebih mengenali tentang diri sendiri serta dapat mengenali seseorang yang mampu mengubah kejadian itu kepada yang lebih baik.


Buku ini amat sesuai untuk mereka yang menempuh dugaan kerana penulisannya banyak memberi dorongan dan motivasi untuk menempuh hari-hari yang mendarang dengan hati yang terbuka serta fikiran yang positif kerana setiap kejadian yang berlaku pasti ada pengalaman serta teladan yang boleh memberi pengajaran di masa akan datang.

Pengulas:

Ricaldo Geonan Majutin

Penolong Pegawai Perpustakaan
Bahagian Khidmat Pelanggan
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



MARPAUNG, PARLINDUNGAN

Hidup ini pilihan

Batu Caves, Selangor : PTS Millennia, 2012. 208ms.

ISBN 978-967-0142-54-8

ULASAN

Saudara Parlindungan Marpaung merupakan seorang fasilitator dan pakar motivasi yang banyak memberi inspirasi kepada pembaca dan seringkali menjadi jurulatih pengucapan awam di agensi syarikat swasta di Indonesia. Hasil daripada teknik penyampaian yang berkesan, saudara Parlindungan Marpaung telah menjadi seorang penulis yang tersohor di negaranya dan beliau menghasilkan beberapa judul buku yang berkisar tentang motivasi dan kehidupan.

Penulis menyampaikan motivasi kepada pembaca dengan himpunan cerita yang bukan hanya dialami oleh insan biasa, malahan cerita daripada kehidupan yang lain turut disertakan. *Buku Hidup Ini Pilihan* sesuai kepada semua golongan pembaca yang ingin mendapatkan pandangan mengenai kehidupan dari sudut penulisan. Penulis bijak menggunakan frasa bahasa yang sesuai dengan subjek yang difokuskan dalam buku ini. Penggunaan bahasa yang baik dan keterangan yang mudah difahami menyebabkan penyampaian penulis ini amat berkesan. Penulis juga telah memuatkan

pengisian cerita yang kompleks dan sarat dengan unsur nasihat.

Untuk buku *Hidup Ini Pilihan*, saudara Parlindungan Marpaung menghimpunkan kisah-kisah yang berkisar tentang memilih keputusan yang terbaik untuk kehidupan yang akan datang. Fokus yang diberikan adalah dari setiap perspektif kehidupan yang dipraktikkan, semuanya bergantung kepada pilihan yang ditentukan. Adakalanya pilihan itu merupakan sesuatu pilihan yang memberi kehidupan yang lebih baik dan adakalanya pilihan itu menjadikan kehidupan kita makin sukar. Oleh itu sebelum semuanya ditentukan setiap pilihan itu perlu diperincikan kebaikan dan keburukannya.

Himpunan kisah-kisah hidup yang dipaparkan mengandungi unsur-unsur nasihat yang boleh dijadikan pedoman untuk kita menghadapi kehidupan yang serba indah ini. Pengajaran yang diperolehi dapat kita jadikan contoh atau rujukan agar kita dapat membuat pilihan yang tepat untuk hidup kita. Paparan kisah-kisah yang dikumpul dari serata dunia memberikan kita pandangan mengenai kehidupan di negara lain dan bagaimana pilihan yang diputuskan itu memberi kesan terhadap mereka. Penulis juga memberikan tips-tips motivasi yang dipetik daripada beberapa pakar motivasi yang terkenal dalam beberapa intipati kisah-kisah yang dihimpunkan.

Buku ini juga menceritakan pelbagai kisah suka duka dalam kehidupan yang dihadapi oleh seseorang. Berjaya atau gagal, pilihan itu harus diterima dan digunakan agar kita dapat mempelajari sesuatu dalam kehidupan kita. Penulis mengajak pembaca untuk bersama-sama menyelami rasa setiap intipati cerita kerana ianya menyebabkan kita dapat menilai semula pilihan yang telah kita tetapkan untuk hala tuju hidup kita. Setiap pilihan yang diputuskan ada hikmahnya dan menjadikan seseorang itu berfikiran matang dalam menghargai kehidupannya. Buku ini berjaya menimbulkan perasaan untuk berubah dengan pilihan yang bakal ditentukan oleh seseorang kerana kesan teladan dari setiap penceritaan begitu mendalam dan memberikan kita keyakinan untuk memilih kehidupan yang kita inginkan.

Pengulas:

Azfaradila Zainal Abidin

Penolong Pengarah

Bahagian Khidmat Pelanggan

Perpustakaan Negara Malaysia

SARI PUSTAKA

SARI PUSTAKA BIL 1/2012

ISSN : 1675-0241

ULASAN BUKU



AZIZI ALI DAN ZAID MOHAMAD
Ibu bapa bijak, anak mewah : strategi mudah untuk melahirkan anak yang lebih pintar, kaya dan lebih bertanggungjawab

Kelana Jaya, Selangor : True Wealth, 2011. 206ms.
ISBN 978-967-5428-67-8

ULASAN

Ibu Bapa Bijak, Anak Mewah adalah sebuah buku yang perlu dimiliki oleh semua ibu bapa di dunia ini kerana buku ini penuh dengan informasi strategi pengurusan kewangan keluarga bagi rujukan ibu bapa untuk menanam tabiat kewangan yang bagus dalam diri anak-anak. Satu bacaan yang berguna bagi mereka yang mahu manamatkan kesusahan dalam perbelanjaan dalam mengejar kebahagiaan. Penulis buku *bestselling*, Azizi Ali (*Millionaires Are From Different Planet*) dan Zaid Mohamad (*Smart Parents, Brighten Kids*) berkongsi perjalanan keluarga menuju kebebasan dalam kewangan menggunakan “8S” Strategi Kewangan Ibu Bapa Bijak.

8 strategi kewangan dalam *Ibu Bapa Bijak, Anak Mewah* meliputi Simpan Dahulu, Tetapkan Piawaian, Permudahkan Bajet Anda, Belanja dengan Bijak, Melindungi dan Menjamin, Pengembangan Sumber Pendapatan, Kongsi Ganjaran, Senyum dan Sentiasa Ceria. Strategi-strategi ini turut membantu dalam mendapatkan semula kawalan dan mencari sumber luar dalam penjagaan anak-anak anda. Semua strategi

yang digunakan amat membantu dalam membina dan melindungi istana kewangan anda.

Strategi kewangan ini diharap dijadikan satu usaha yang amat berguna kepada anda dalam *Ibu Bapa Bijak, Anak Mewah*. Inilah masa yang paling tepat untuk anda melindungi dan memelihara masa hadapan anak. Kita perlu bersedia dengan segala kemungkinan dengan membina dana simpanan, kenal pasti objektif pelaburan anda dan gunakan pelaburan yang tepat sebagai medium anda. Lindungi masa depan keluarga anda dengan membeli polisi insurans yang tepat. Biarkan wang anda bekerja bagi pihak anda sementara anda menikmati masa hidup bersama-sama keluarga tersayang.

Kos sara diri yang semakin meningkat tetapi tidak bagi punca pendapatan. Anda terpaksa menyelaras usaha dengan strategi untuk meningkatkan pendapatan sama ada bekerja dengan lebih gigih atau mempunyai dua pekerjaan ataupun kedua-duanya sekali. Setiap orang memiliki kemampuan yang unik dan kemampuan yang akan menjadi nilai untuk seseorang. Kemahiran seperti memasak, mengajar, menulis, dan melukis mempunyai peluang luar biasa untuk diketengahkan. Dengan kepakaran ini, anda boleh memikirkan pelan yang terbaik dalam mengejar kehairahan pekerjaan separuh masa ini sambil tetap memberikan sepenuh kasih sayang untuk keluarga di samping membantu menambah sumber pendapatan keluarga.

Ibu Bapa Bijak, Anak Mewah penuh dengan informasi dan tip yang berguna untuk menguruskan kewangan keluarga. Ia juga bagi rujukan kepada ibu bapa untuk menanam tabiat kewangan yang bagus dalam diri anak-anak. Satu bacaan yang berguna bagi mereka yang mahu menamatkan kesusahan dalam perbelanjaan dan mengejar kebahagiaan.

Pengulas:

Nor Afizah Mafrodi


Penolong Pengarah
Bahagian Maklumat Umum
Perpustakaan Negara Malaysia

SARI PUSTAKA

SARI PUSTAKA BIL 1/2012

ISSN : 1675-0241

ULASAN BUKU



FADZLI YUSOF
Kuasa sukses

Batu Caves, Selangor : PTS Millennia, 2011. 416ms.
ISBN 978-967-556-418-5

ULASAN

Buku bertemakan motivasi bagi mencapai kejayaan dalam kehidupan sekarang dan akan datang. Kuasa sukses mengubah kepercayaan ini dan ternyata kejayaan luar daripada biasa mampu menjadi milik semua. Kuasa sukses ini melihat secara terperinci, langkah demi langkah, azimat sukses dan bukan sahaja dihidangkan dengan kejayaan tokoh, malah pengajaran daripada mereka yang ditonjolkan. Kejayaan adalah milik semua insan dan terpulang sama ada mereka mahu atau tidak untuk ke arah itu. Kajian ini terbahagi kepada 3 (tiga) bahagian iaitu A, B, dan C dan tujuh (7) bab keseluruhannya. Bahagian pendahuluan membincangkan berkenaan konsep kejayaan, usaha, strategi dan faktor takdir dalam kehidupan kita sebagai manusia. Bahagian ini menjuruskan perbincangan mengenai sains kejayaan sebagai kuasa sukses.

Penulis juga menceritakan pengalaman kehidupan dan maklumbalas dalam blog, emel, facebook bagi memperkemaskan lagi idea-idea dalam buku ini termasuk kepelbagai teori dalam Islam, teori Aisberg diterangkan dengan teliti. Nilai dominan ialah nilai-nilai

yang dianggap penting oleh seseorang dan dianggap keutamaan serta dapat mempengaruhi tingkah laku individu. Sistem kepercayaan yang kukuh dan disokong oleh hujah dapat membentuk sistem yang boleh mempengaruhi gaya fikir minda seseorang.

Penulis menyokong tema dengan memberi kepelbagaian kes pembelajaran bagi tokoh-tokoh yang terkenal, nilai-nilai murni serta formula yang menyumbang kepada idea penulisan buku ini. Kesemua idea yang diberikan oleh penulis ini senang difahami dan praktikal kepada semua golongan. Semua insan di dunia ini memiliki potensi diri untuk berjaya sama ada boleh dikawal atau pun tidak yang boleh menyumbang kepada kegagalan atau kejayaan.

Gaya penulisan adalah berbentuk naratif, diskriptif bersama contoh tokoh-tokoh yang popular seperti Elbert Einstein, Donald Trump, Imam Syafie dan lain-lain. Buku ini memperkatakan beberapa idea berkenaan sukses yang boleh digali dan diterokai kerana semua individu berhak untuk berjaya dimulai dengan persiapan diri dengan karakter dan formula sukses dan terancang pada masa hadapan. Pendek kata usaha yang jitu bersama kuasa sukses, kejayaan akan hadir dan bukan mengharapkan tuah semata-mata.

Buku ini ditulis untuk semua golongan tanpa mengira usia kerana kejayaan adalah untuk semua dan dengan idea-idea yang dilontarkan membolehkan pembaca berfikir ke luar dari ruang lingkup. Sistem kepercayaan adalah suatu perkara yang begitu kukuh dalam fikiran dan disokong oleh hujah dan bukti yang kuat sehingga membentuk sistem yang mempengaruhi gaya fikir minda seseorang.

Setiap individu juga mempunyai kuasa bertindak bagi melaksanakan apa yang mereka impikan, dengan syarat kawalan keupayaan yang teliti dalam mengawal emosi itu sendiri. Tindakan manusia yang dikawal secara langsung oleh emosi dan bukannya oleh logik semata-mata dan emosi ini secara langsung dapat dikawal dengan cara berfikir yang dikawal oleh submodaliti minda kita.

Memiliki minda dan hati nurani yang sihat boleh menyumbang kepada mentaliti yang

sihat yang dapat mencapai matlamat sama ada dalam mimpi ataupun realiti.


Akhir sekali penulis menyarankan agar ledakkan potensi diri dengan kuasa sehebat nuklear dapat dilontarkan bersama keazaman dengan kaedah yang sesuai. Kejayaan adalah hak milik semua insan.

Pengulas:

Mohd Razali Abu Bakar

Penolong Pengarah
Bahagian Pinjaman
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



FAZRUL ISMAIL
Master P.I.E.S

Batu Caves, Selangor : PTS Millennia, 2012. 343ms.
ISBN 978-967-411-017-8

ULASAN

Master P(*Physical*). I (*Intellectual*). E (*Emotional*). S (*Spiritual*) merupakan formula atau model yang memudahkan aplikasi dalam kehidupan seharian bagi mengenal potensi manusia lantas dilonjakkan menuju kejayaan. Model yang disampaikan dalam buku ini bukan berdasarkan idea *hype*, tetapi berdasarkan satu premis yang ringkas dan mampu dilaksanakan oleh orang ramai.

Buku ini mendedahkan kepada pembaca mengapa kajian ini dipilih dan dinamakan Master P.I.E.S dengan perkataan “*Master*” di hadapan. Terdapat dua perspektif yang digunakan iaitu P.I.E.S perlu diMASTERkan dan Master P.I.E.S bagi mengajar serta contoh bagaimana model P.I.E.S dapat digunakan dan dilaksanakan. Model ini dapat membuka minda pembaca kerana fleksibel dan dapat disesuaikan dalam pelbagai situasi.

Bab 3 memperkenalkan model P.I.E.S yang menjelaskan dengan lebih dalam bagi

memberi kefahaman dan asas yang kuat kepada pembaca sebelum diamalkan dalam kehidupan harian. Kefahaman itu penting kerana model ini mengkaji perihal manusia. Dengan mengetahui hakikat dalam diri manusia, model ini akan membantu proses aplikasi dalam kehidupan.

Bab 4 hingga 7 merungkai intipati dalam Master P.I.E.S. Buku ini memberikan fokus kepada setiap elemen dalam model P.I.E.S. Pada bab-bab tersebut, beberapa pembahagian kepada kaedah diutarakan bagi meledakkan potensi secara dalaman dan luaran. Teknik-teknik ini disekalikan dengan fakta dan contoh praktikal bagi menajamkan kebijaksanaan fizikal, intelek, emosi dan spiritual. Bab-bab ini penuh dengan teknik menjadikan seseorang itu mahir dan “Master”.

Bab 8 pula membincangkan tentang pemerhatian yang menjelaskan konsep dan warna pelangi P.I.E.S yang berkait antara satu sama lain. Apabila warna ini dapat dihayati dan dihargai pasti memudahkan individu melihat dunia dengan kaca mata P.I.E.S. Dalam kehidupan seharian, banyak perkara dan pengalaman yang dapat dijadikan sebagai panduan demi menghargai potensi dalam diri individu itu sendiri. Banyak perkara berlaku secara rawak. Namun begitu, sekiranya disusun dengan rapi dan dirujuk kepada teori P.I.E.S, akan dapat menjelaskan banyak perkara.

Penutup bagi buku ini diserapkan dalam bab 9. Motif yang disampaikan adalah secebis noktah daripada khazanah ilmu bagi melonjakkan potensi dalam diri bagi membina kejayaan dalam hidup. Pembaca perlu memilih masa yang sesuai bagi memulakan usaha melonjakkan diri untuk menyelamatkan masa yang ada. Potensi fizikal, intelek, emosi dan spiritual ada dimiliki oleh semua orang. Namun begitu, orang yang berjaya adalah orang yang mampu meletakkan panduan dalam karya ini sebagai rujukan sepanjang jalan kejayaan dan turut diwarnai dengan karya-karya rujukan lain bagi mengutuhkan kefahaman dan keyakinan setiap individu.

Pengulas:

Rozlinah Ismail


Penolong Pengarah
Bahagian Maklumat Umum
Perpustakaan Negara Malaysia

SARI PUSTAKA

SARI PUSTAKA BIL 1/2012

ISSN : 1675-0241

ULASAN BUKU



TENGKU ASMADI TENGKU MOHAMMAD DAN MOHD HILMI MOHAMMAD ISA

Pikat remaja dengan kata-kata

Batu Caves, Selangor : PTS Millennia, 2012. 155 ms.

ISBN 978-967-0142-61-6

ULASAN

Pikat Remaja Dengan Kata-Kata diterbitkan untuk membantu ibu bapa dan para pendidik untuk menangani masalah yang berlaku di kalangan remaja dengan ilmu dan praktik yang betul. Walaupun buku-buku psikologi dan pendidikan remaja ada dijual di pasaran, namun masih ramai yang tidak tahu mengaplikasikan ilmu-ilmu yang terkandung di dalamnya. Masalah utama antara ibu bapa dan anak-anak remaja biasanya berpunca daripada masalah komunikasi. Oleh yang sedemikian, buku ini dihasilkan dengan gabungan ilmu psikologi dan komunikasi yang diharapkan dapat membantu menyelesaikan masalah kerana manusia sentiasa menyalurkan maklumat melalui komunikasi. Buku ini mengupas dari pelbagai perspektif, cara dan teknik mendekati remaja dengan bersandarkan al-Quran, hadis dan kajian psikologi.

Apa yang lebih menarik, gaya penulisan buku ini bersifat separa santai dan masih mudah difahami. Hal ini bagi mengelakkan hanya warga akademik yang mampu memahaminya. Penulis menggabungkan pendekatan al-Quran, hadis dan teori

psikologi, selain pengalaman yang diperolehi dalam berinteraksi dan mengendalikan program-program motivasi untuk remaja, mahupun ketika mengendalikan kes-kes yang melibatkan golongan yang bermasalah. Kebanyakan fakta dan teknik yang ditulis akan disusuli dengan cerita, bagi memberikan kefahaman yang lebih mendalam.

Permulaan buku ini ditulis dengan membetulkan perhubungan di antara manusia iaitu cara menjadi manusia yang dicintai oleh manusia lain. Dengan menjadikan Rasulullah sebagai contoh pemimpin, penulis menerangkan bagaimana Rasulullah boleh menjadi seorang pemimpin yang terulung sehingga ke hari ini. Melalui buku ini, pembaca memperolehi teknik menyampaikan motivasi gaya Rasulullah. Secara ringkasnya, kepimpinan Rasulullah memiliki kualiti-kualiti seperti dicintai, dipercayai, membimbing dan berkeperibadian. Buku ini juga menerangkan bagaimana untuk menjadi manusia yang dipercayai selain langkah-langkah mengukuhkan institusi kekeluargaan.

Seterusnya, penulis membawa kita kepada teknik-teknik komunikasi berpengaruh. Bermula dengan memahami sifat remaja itu sendiri sehinggalah dia berasa senang untuk bercakap dengan kita. Buku ini mengajar kita bagaimana untuk menjadi seorang pendengar yang disayangi. Manusia mempunyai personaliti yang berbeza-beza. Bagi mempengaruhi pelanggan, kita perlu berkomunikasi dan berurusan mengikut personaliti pelanggan kita itu. Secara umumnya, terdapat empat jenis personaliti manusia iaitu, visual, autori, kinestetik dan digital.

Penulis juga memberi kaedah-kaedah pendidikan daripada al-Quran dan Hadis. Dalam membincangkan pendidikan anak remaja, kita diseru dan digalakkan supaya merujuk kepada kaedah pendidikan Luqman kepada anaknya. Walaupun nasihat Luqman kepada anaknya dalam al-Quran hanya terdiri daripada lapan baris ayat, tetapi nasihat itu meliputi asas-asas pendidikan yang bernilai tinggi. Buku ini menerangkan panduan al-Quran dan Hadis dalam memberikan motivasi serta teknik Rasulullah menyampaikan nasihat.

Di akhir bab buku ini, penulis mengajar kita mengenali teknik-teknik bijak mendidik remaja pada zaman moden. Buku ini menerangkan perbezaan di antara sifat tegas dan garang, selain tip-tip luar biasa dalam mendidik remaja dalam era moden. Dan yang

paling penting, rahsia memikat remaja supaya menjadi lebih rapat dengan mereka.

Pikat Remaja dengan Kata-Kata adalah sebuah penghasilan yang sangat menarik dan berguna terutamanya untuk ibu bapa dan para pendidik. Buku ini pasti menyuntik semangat, memberi ilham, dan manfaat yang luar biasa bagi mencorakkan generasi pada masa hadapan.

Pengulas:

Chuhana @ Suhana Ahmad


Penolong Pegawai Perpustakaan
Bahagian Khidmat Pelanggan
Perpustakaan Negara Malaysia

SARI PUSTAKA

SARI PUSTAKA BIL 1/2012

ISSN : 1675-0241

ULASAN BUKU



MOHD FATHUALLAH
**Rahsia menambat hati pelanggan : ilmu pelaris
jualan terbongkar!**
Petaling Jaya : True Wealth, 2011. 189ms.
ISBN 978-967-5428-83-8

ULASAN

Buku berjudul *Rahsia Menambat Hati Pelanggan* telah dihasilkan daripada pengalaman penulis sendiri iaitu Saudara Mohd Fathuallah Mohd Nawi yang pernah bekerja sebagai jurujual dan pernah melalui pelbagai jenis pekerjaan sebelum menubuhkan MOFAT Enterprise dan TMG Synergy Sdn Bhd.

Buku ini mengandungi 28 bab dan 189 halaman, di mana penulis mendedahkan dan berkongsi mengenai peranan, kepentingan, panduan dan kehebatan seorang jurujual dalam sesebuah perniagaan tidak kira samada syarikat gergasi mahupun syarikat berskala kecil-kecilan. Buku ini bercorak *multigenre* kerana di dalamnya terdapat motivasi, kisah benar, inspirasi, keusahawanan, perniagaan dan seni komunikasi dalam bidang jualan perniagaan. Setiap bab dikupas, disentuh dan diterangkan secara mendalam, ringkas dan mudah difahami walaupun pembaca bukan datang daripada latarbelakang seorang jurujual.

Lengkap dengan panduan, informasi dan corak penyampaian secara bercerita, kemas serta teratur berdasarkan pengalaman beliau sebagai jurujual dan pelbagai pekerjaan yang pernah beliau lakukan sebelum ini.

Penulis mengupas cara untuk menguruskan kehidupan sehari-hari dan kerjaya berpandukan pengalaman kehidupan beliau bermula dari kehidupan belajar di universiti dalam memastikan kejayaan dan kualiti sesebuah aktiviti, program, projek atau rancangan dapat ditingkatkan bagi meraih *output* yang setimpal dengan usahanya. Beliau mengaplikasikan taktik-taktik tersebut dalam bidang perniagaan yang diceburinya bagi meraih kepercayaan hati pelanggan.

Penulis juga turut menggarapkan keupayaan untuk menyemai dan tanamkan pemikiran, sikap dan tindakan individu sebagai seorang juara untuk menjadi insan yang berjaya dalam bidang perniagaan. Ini adalah kerana apabila sesuatu perkara yang berlaku dan kita dapat berfikir dan bertindak dengan cepat akan membawa hasil yang pantas selain kualiti tetap dijaga rapi agar segala urusan berjalan dengan lancar dalam jangka masa panjang. Semakin singkat masa yang diperuntukan, semakin pantaslah hasil yang diberikan. Malahan, idea yang dapat dikeluarkan juga akan lebih bernas.

Penulis juga turut mengulas kepentingan mengenali rakan dan kenalan yang pakar dan berpengalaman dalam sesuatu bidang yang kita ingin ceburi untuk memastikan langkah permulaan kita dalam bidang perniagaan dapat berkembang dengan lancar ke tahap seterusnya. Beliau menekankan bahawa jika kita mempunyai impian, letakkan impian tersebut sebesar dan setinggi yang mungkin kerana sedikit pencapaian daripada sasaran yang besar adalah lebih baik daripada sedikit pencapaian daripada sasaran yang kecil. Tiga elemen utama yang beliau tekankan dalam jatuh bangunnya sesebuah perniagaan adalah keuntungan, pekerja dan pelanggan. Sekiranya ketiga elemen ini tidak dijaga, maka perniagaan akan tumbang pada bila-bila masa sahaja.

Kesimpulannya, setiap strategi jualan yang disarankan oleh beliau begitu mudah difahami walaupun pertama kali membaca buku bercorak motivasi, inspirasi, keusahawanan dan perniagaan ini. Persembahan dan penerangan yang ditunjukkan


oleh beliau sangatlah mudah dan jelas serta mampu difahami oleh semua pembaca Malaysia.

Pengulas:

Nur Aishah Che Raimi

Penolong Pengarah
Bahagian Maklumat Umum
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



SITI NURUL AIN JAMIL DAN NAJIB MOHAMED
**Revolusi MLM : tip-tip untuk menjana kekayaan
anda dengannya hari ini**

Petaling Jaya : True Wealth, 2011. 246ms.
ISBN 978-967-5428-74-6

ULASAN

Buku ini dikategorikan dalam bidang ekonomi dan pengurusan perniagaan khususnya pemasaran berbilang tingkat, MLM. Buku ini memberi motivasi dan tunjuk ajar bagaimana untuk membuat perancangan teliti bagi menentukan kejayaan.

Buku ini memperkenalkan sejarah jualan langsung bermula daripada kesan revolusi industri pada abad ke-18 di seluruh dunia. Revolusi industri ini menyebabkan penghijrahan manusia di merata-rata tempat dengan tujuan memasarkan produk-produk mereka ke kawasan pedalaman yang jauh daripada kawasan perindustrian. Maka lahirlah pemasaran berbilang tingkat. Aktiviti ini banyak melibatkan golongan wanita untuk meningkatkan pendapatan keluarga semasa zaman kemelesetan ekonomi. Lahirlah lebih ramai wanita berpotensi kepimpinan hasil daripada pendekatan melalui *home party* konsep jualan langsung.

Perbezaan jualan langsung dan MLM juga diterangkan dan didapati dua pelan pemasaran secara umum. Pertama, pelan jualan langsung yang telah mengalami revolusi menjadi pelan pemasaran berbilang tingkat. Kedua, pelan satu tingkat yang dikenali sebagai pelan jualan langsung yang amat bergantung kepada pengedar mengusahakan jualan runcit. MLM adalah alternatif kepada pemasaran konvensional yang mensasarkan kumpulan kecil dengan modal terhad. MLM dapat berfungsi dan berlaku dalam proses penajaan yang membawa maksud seseorang telah bersedia untuk bertanggungjawab kepada seseorang yang lain. Mereka bersandar antara satu sama lain dalam perniagaan MLM mahupun usaha, penat-lelah, bantuan dan tunjuk ajar sehingga berjaya menikmati segala keuntungan runcit dan bonus.

Masih ramai rakyat beranggapan salah dan mitos terhadap MLM iaitu MLM adalah skim cepat kaya dan skim piramid yang membawa keresahan kepada golongan di lapisan paling bawah. Pengarang tidak menafikan bahawa ada juga syarikat yang mengada-adakan produk yang tidak setimpal dengan harganya dan memiliki kualiti yang meragukan. Yuran kemasukan yang tinggi dengan memberikan harapan kepada ahli bahawa mereka akan memperolehi modal pendahuluan itu secepat mungkin di samping keuntungan yang berlipat ganda. Kes-kes tersebut perlu dilaporkan kepada pihak berkuasa seperti Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Direct Selling Association Malaysia (DSAM).

Beliau berharap buku ini membantu masyarakat supaya mengenali MLM sebenarnya dan melenyapkan terus tanggapan-tanggapan buruk kepada pengamal MLM. Pembaca buku dijemput melayari laman web www.millionairesplanet.com untuk mendapat keterangan lanjut.

Pengulas:

Lai Sow Woon


Penolong Pengarah
Bahagian Maklumat Umum
Perpustakaan Negara Malaysia

SARI PUSTAKA

SARI PUSTAKA BIL 1/2012

ISSN : 1675-0241

ULASAN BUKU



HAMIRUDIN HAMIDI
Siapa kita 10 tahun lagi
Kuala Lumpur : Must Read, 2011. 201ms.
ISBN 978-967-5426-69-8

ULASAN

Semua orang punya impian dan azam yang mahu dikecapi tetapi sejauh mana kita berusaha untuk mencapai impian tersebut? Kejayaan tidak akan datang tanpa dicipta, kejayaan tidak akan datang tanpa usaha, kejayaan tidak akan datang tanpa iringan doa.

Kata-kata di atas merupakan antara ayat yang dipetik dari buku ini menarik hati saya untuk terus membelek. Kenapa tajuknya *Siapa Kita 10 Tahun Lagi*.

- Adakah kita akan menjadi seorang pengurus?
- Adakah kita akan tetap menjadi seorang kerani?
- Adakah kita akan menjadi individu yang lebih berjaya daripada hari ini?

10 tahun lagi menurut Hamirudin Hamidi adalah tahun-tahun mendatang yang menunjukkan tempoh matang seseorang dalam melihat hasil matlamat yang telah ditetapkan oleh seseorang. Ia juga adalah satu tempoh yang ‘cukup’ untuk

merealisasikan sesuatu cita-cita.

Menelusuri buku ini, saya fikir, semua golongan usia patut membacanya. Membincangkan bagaimana hebatnya kuasa minda dan tidak salah untuk kita bermimpi, penulis seringkali menekankan yang pilihan semestinya ada di tangan kita. Beliau menyarankan agar pembaca jangan hanya memandang hari esok kerana kita perlu berfikir apa yang kita mahukan di dalam kehidupan ini. Apa matlamat kita, ke mana haluan kita dan sejauhmana pencapaian kita masa akan datang.

Bermula dengan pertanyaan penting iaitu ‘Siapakah diri kita pada masa depan?’, saya dapati buku ini cuba merungkai jalan-jalan yang sepatutnya dilalui secara nyata dan benar demi untuk mencapai kecemerlangan pada masa depan sebelum ditutup oleh satu lagi pertanyaan penting iaitu ‘Apakah yang bakal kita wariskan kelak kepada anak cucu kita?’

“Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib suatu kaum kecuali kaum itu sendiri yang mengubah apa apa yang pada diri mereka ” QS 13:11

Buku ini merupakan buku motivasi. Genre yang dipilih oleh penulis yang telah 10 tahun berkecimpung dalam dunia kepustakawan akibat terkesan dengan pembacaan buku Dale Carnegie adalah bertepatan kerana Malaysia sememangnya kekurangan penulis buku motivasi.

Penulis menyatakan bahawa setiap manusia memerlukan motivasi. Kita tidak dapat lari daripada kelemahan yang ada di dalam diri. Oleh yang demikian, motivasi adalah satu bentuk kekuatan yang boleh mendorong seseorang untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Tanpa motivasi, kita akan hanyut dibuai ombak masa, alihan dan perkara-perkara lain. Keperluan-keperluan kita juga sentiasa didorong oleh pergerakan yang lurus ke arah mencapai matlamat kita.

Dengan gaya bahasa yang mudah, penulis banyak menekankan tentang memotivasi dan termotivasi. Dunia ini bisa membuatkan sesiapa sahaja terjatuh. Seperti yang pernah diceritakan di dalam bab 'Teruskan Berlari Walaupun Dibentes', kita wajar

bangun semula selepas dibentes dengan keras.

Di bab terakhir, persoalan ‘Apa Yang Akan Kita Wariskan?’ dijawab oleh penulis dengan nasihat yang bermanfaat iaitu jika ditinggalkan harta dan wang yang banyak, kemungkinan akan berlaku perebutan selepas ketiadaan kita. Oleh yang demikian, lebih baik ibu bapa mendidik anak-anak berdikari, amalkan kesederhanaan, kukuhkan hubungan kekeluargaan dan hiduplah dengan penuh motivasi. Kesemua peninggalan ini amat berharga kerana warisan ini kekal hingga bila-bila. Paling tidak pun, tinggalkanlah satu kenangan yang boleh membuatkan kita sentiasa diingati untuk selama-lamanya.

Selain itu, penulis juga memasukkan elemen pengalaman beliau sebagai pustakawan dalam mengajak pembaca berusaha untuk mengelakkan kesukaran hidup pada masa depan dengan cara berusaha dengan lebih gigih lagi pada masa sekarang. Ini boleh oleh dilakukan pembaca dengan memikirkan mengenai, ‘Siapa Kita Sepuluh Tahun Lagi?’

Buku ini sesuai dibaca agar dapat meningkatkan motivasi, bijak mengatur kehidupan dan cuba mencapai sesuatu dengan cara yang terbaik walaupun kejayaan itu tidak mudah digapai. Buku tulisan Ketua Pustakawan sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) ini sarat mengandungi pelbagai cadangan yang bakal membangkitkan rasa dan kehendak kita untuk berjuang ke arah kecemerlangan masa depan sendiri.

Pengulas:

Norhasliza Mohd Razali


Penolong Pengarah
Bahagian Pinjaman
Perpustakaan Negara Malaysia

SARI PUSTAKA

SARI PUSTAKA BIL 1/2012

ISSN : 1675-0241

SINOPSIS BUKU



SUJAIDI DASUKI
202 khasiat herba
Pulau Pinang : Penerbit
Universiti Sains Malaysia,
2011. 420ms.
ISBN 978-983-124-712-4


Buku ini memberi pengenalan asas kepada generasi muda tentang betapa banyaknya khazanah alam semulajadi yang terdapat di sekeliling kita yang boleh dijadikan penawar dalam mencegah dan merawat penyakit. Ia merupakan kombinasi pelbagai jenis tumbuhan renek, sayur-sayuran, buah-buahan, rumput-rumpai dan balak. Setiap tumbuhan herba ini diuraikan dalam bentuk yang menarik kerana disertakan ilustrasi berwarna. Nama saintifik tumbuhan berkenaan juga disertakan bagi memudahkan pembaca mengecam untuk tujuan perubatan. Di samping itu, buku turut memaparkan kelebihan dan khasiat herba supaya masyarakat dapat mempelajari dan menggunakan herba bagi mencapai kesihatan yang optimum. Buku ini sesuai dibaca oleh setiap lapisan pembaca terutamanya daripada kalangan pengiat dan pengamal perubatan Melayu yang banyak menggunakan herba tempatan.

SARI PUSTAKA

SARI PUSTAKA BIL 1/2012

ISSN : 1675-0241

SINOPSIS BUKU



**ROZIQIN, BADIATUL
Bahkan para sufi pun
kaya raya**

Batu Caves, Selangor : Al-
Hidayah House of
Publishers, 2011. 204ms.
ISBN 978-967-5984-73-0

Islam tidak pernah menyarankan umatnya untuk hidup miskin atau melarat. Islam menyeru kepada kita agar giat memajukan ekonomi sehingga kemakmuran bersama lebih mudah dicapai. Islam juga menganggap kefakiran sebagai aib. Kita perlu membebaskan diri dari kefakiran semampu kita. Kemiskinan yang membelenggu jiwa menjadikan emosi seseorang bercelaru, munculnya sifat iri pada orang yang hidup stabil dan menyebabkan berlakunya perbuatan melampau seperti kekerasan, perbuatan ke ganasan dan kejahanan lainnya. Kemiskinan membuatkan kita bisu dan buta dalam melihat kebenaran ajaran Islam. Buku ini memperlihatkan betapa ramai para sufi, hamba Allah yang luar biasa ibadahnya yang kaya dari segi materialnya. Contoh yang paling utama merupakan junjungan besar Rasulullah s.a.w sendiri yang telah berjaya menjadi ahli perniagaan yang kaya dan berjaya. Kemampuan baginda menguruskan perniagaan dan kecerdikan yang dimiliki itu juga dapat dijadikan contoh kepada seluruh umat Islam.

SARI PUSTAKA

SARI PUSTAKA BIL 1/2012

ISSN : 1675-0241

SINOPSIS BUKU



FAZRUL ISMAIL
Berfikir secara sistemik
Kuala Lumpur : Must Read, 2011. 313ms.
ISBN 978-967-5246-84-1


Berfikir secara sistematik bermula dari mengenalpasti masalah yang dihadapi manusia dengan memerhati keadaan sekeliling secara menyeluruh dan cara-cara menyelesaikan masalah tersebut. Ia terbahagi kepada pembinaan individu dan manifestasi tamadun. Sistem yang berinteraksi antara komponen adalah satu sistem dinamik manakala komponen yang tidak dapat berinteraksi dianggap sebagai timbunan. Interaksi ini dinamakan sebagai ciri-ciri gabungan yang menjadikan sesuatu unit itu berfungsi. Setiap orang dan agama juga mempunyai amalan dan aktiviti untuk memastikan sesuatu sistem berjalan baik. Buku ini menyingkap hadis-hadis dan ayat-ayat al-Quran sebagai panduan kepada umatnya untuk menjalani kehidupan yang sistematik. Ia juga memberi kaedah bagi memanfaatkan potensi diri supaya dapat berfikir dan mengelakkan kesilapan dalam kehidupan seharian dalam pelbagai persekitaran.

SARI PUSTAKA

SARI PUSTAKA BIL 1/2012

ISSN : 1675-0241

SINOPSIS BUKU



NORYANI ISMAIL
**Dulu pokai sekarang
kaya : 9 langkah
melunaskan hutang dan
meningkatkan aliran
wang tunai**

Kelana Jaya, Selangor :
True Wealth, 2011. 185ms.
ISBN 978-967-5428-68-5


Buku ini menerangkan tentang 9 langkah untuk melunaskan hutang dan meningkatkan aliran wang tunai secara terperinci dan disertakan dengan contoh-contoh yang mudah untuk memudahkan pemahaman pembaca. Penulis telah menghasilkan buku ini berdasarkan pengalaman beliau sendiri dalam menguruskan kewangannya. 9 langkah utama yang perlu diambil untuk melunaskan hutang dan membaiki kedudukan kewangan menerusi mengenali akar umbi masalah kewangan mereka, mengenalpasti sumber kewangan dan pelaburan, berterus-terang kepada pasangan tentang masalah kewangan masing-masing, dan mendapatkan nasihat pakar kewangan yang bertauliah. Selain daripada itu, mereka haruslah membuat keputusan yang sukar dengan mengubah gaya hidup mereka agar dapat mengurangkan jumlah perbelanjaan, menyimpan rekod perbelanjaan harian, menjauhi pembelian barang secara hutang, menukar tabiat membeli-belah dan mencipta pelbagai sumber pendapatan sampingan yang lain bagi meningkatkan sumber kewangan. Buku ini sesuai dibaca untuk mereka yang mahu melangsikan hutang dan memulihkan aliran tunai menjadi positif dan selesa.

SARI PUSTAKA

SARI PUSTAKA BIL 1/2012

ISSN : 1675-0241

SINOPSIS BUKU



GADD, KHALID
Ensiklopedia
pengubatan herba :
terapi alternatif
kedoktoran Islam
Selangor : Al-Hidayah
House of Publishers,
2011. 578ms.
ISBN 978-967-5984-98-3


Salah satu nikmat yang paling besar dalam hidup ialah nikmat kesihatan yang tidak boleh dinilai dengan apa jua benda termasuklah wang ringgit. Kepentingan menjaga kesihatan amat dititik beratkan di dalam Islam dari peringkat kanak-kanak hingga kepada dewasa. Buku setebal 578 muka surat ini boleh dijadikan panduan kepada pembaca sebagai amalan untuk mendapatkan tubuh badan yang sihat dan bertenaga. Kepelbagaiannya kaedah dan petua diambil dari al-Quran, Hadis Rasulullah SAW serta kajian-kajian penyelidik Islam dan barat telah dimuatkan dalam buku ini. Resepi-resepi yang terkandung dalam buku ini amat bermanfaat sekiranya diamalkan. Khasiat setiap tumbuh-tumbuhan yang berada di sekeliling kita telah dijelaskan oleh penulis dengan mudah dan senang difahami. Sebagai contoh, khasiat bawang putih yang mempunyai keistimewaan yang mana salah satunya boleh mencegah penyakit kanser, serta cara untuk menghilangkan bau bawang tersebut bagi orang yang memakannya dan bagaimana untuk memasaknya bagi mengekalkan khasiat bawang putih tersebut. Semuanya ada diungkapkan dalam tulisan ini. Siapa pun anda, boleh membaca dan memiliki buku ini.

SARI PUSTAKA

SARI PUSTAKA BIL 1/2012

ISSN : 1675-0241

SINOPSIS BUKU



MAZIDAH MUHAMMAD
DAN NOOR HISHAM MD
NAWI
**Indahnya didikan awal
anak cara Islam**
Batu Caves : PTS
Millennia, 2011. 188ms.
ISBN 978-967-0142-27-2


Indahnya Didikan Awal Anak Cara Islam menekankan enam aspek utama dalam pendidikan anak-anak merangkumi aspek rohani, kognitif, bahasa, emosi, jasadi dan sosialisasi. Keenam-enam aspek ini perlu difahami oleh ibu bapa dan dipraktikkan sepanjang proses perkembangan anak-anak bagi memastikan mereka mendapat pendidikan menyeluruh yang merangkumi aspek duniawi dan ukhrawi. Pendidikan awal anak adalah peletakan batu asas yang penting supaya keseluruhan sistem pendidikannya bergerak pada orbit yang betul berpaksikan prinsip tauhid. Hasrat pendidikan awal anak adalah penyemaian benih bermutu bagi menjadikan keredaan Allah sebagai puncak pencapaian pendidikan dan destinasi terakhir perjalanan manusia. Buku ini memberi fokus kepada peringkat pendidikan terawal anak secara sistematik dan praktikal. Lebih awal persiapan dibuat, lebih besar potensi bagi mencapai kejayaan.

SARI PUSTAKA

SARI PUSTAKA BIL 1/2012

ISSN : 1675-0241

SINOPSIS BUKU



JAILANI HARUN
**Jenayah bawa padah :
20 kes berprofil tinggi**
Kuala Lumpur : Berita
Pub., 2011. 83ms
ISBN 978-967-969-608-0


Buku ini memberi teladan bahawa jenayah membawa padah. Walau sehebat mana pun seseorang penjenayah, undang-undang negara tidak akan membiarkan mereka terlepas begitu sahaja. Kebanyakan mereka yang terbabit dengan jenayah juga didapati mempunyai latar belakang kehidupan kurang menyenangkan dan tidak suka dikawal oleh sesiapa. Buku ini bertujuan memberi kesedaran bahawa melakukan jenayah bukanlah jalan penyelesaian kepada permasalahan, malah mengundang padah pada diri sendiri dan keluarga. Kemampuan pihak Polis Diraja Malaysia dalam menangani jenayah juga tidak boleh diperkecikkan bahkan patut dipuji dan dihargai. Buku ini juga diharap dapat membantu mengurangkan kadar jenayah di negara ini dengan adanya kesedaran yang tinggi di kalangan masyarakat untuk bersama-sama menjauhinya dan mengatasinya di peringkat akar umbi.

SARI PUSTAKA

SARI PUSTAKA BIL 1/2012

ISSN : 1675-0241

SINOPSIS BUKU



OTHMAN KASIM
**Kad kredit : fahami
kekuatan dan aplikasi
kelebihannya**
Petaling Jaya : True
Wealth, 2011. 93ms.
ISBN 978-967-5428-77-7

Penggunaan kad kredit yang membelenggu masyarakat kini berpunca daripada kurang faham dan kabur mengenai penggunaannya dengan cara yang betul. Hasil kajian dan pengamatan selama beberapa tahun, penulis telah memberikan alternatif kepada pengguna dan selok belok penggunaan kad kredit yang betul. Buku ini menjelaskan tentang sejarah kad kredit dan seterusnya fenomena hutang serta masalah-masalah kad kredit yang biasa berlaku dari segi hutang baik dan hutang yang memudaratkan. Beberapa faktor punca kad kredit sebagai lawan juga dijelaskan. Walau bagaimanapun, transaksi kad kredit merupakan kaedah yang paling selamat dan memudahkan peniaga berbanding bentuk pembayaran lain seperti cek, hutang atau bayaran ansuran. Oleh itu pihak berkuasa tempatan menggalakkan rakyat Malaysia menggunakan kad kredit secara berhemah. Cara-cara menyelesaikan hutang kad kredit juga diberikan.

SARI PUSTAKA

SARI PUSTAKA BIL 1/2012

ISSN : 1675-0241

SINOPSIS BUKU



MOHD ZURI GHANI DAN AZNAN CHE AHMAD
Kaedah dan strategi pengajaran kanak-kanak berkeperluan khas
Pulau Pinang : Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2011. 205ms.
ISBN 978-983-861-5181

Buku ini membincangkan teori-teori pembelajaran yang dapat diaplikasikan oleh para pendidik, terutamanya guru-guru pendidikan khas yang mengajar murid bermasalah pembelajaran dan ibu-bapa yang mempunyai anak-anak berkeperluan khas seperti bermasalah pembelajaran. Tajuk-tajuk yang dibincangkan di dalam buku ini merangkumi teori pembelajaran, pengajaran mnemonic, pengajaran scaffolding, pengajaran terus, pengajaran eksplisit, pembelajaran masteri, intervensi meningkatkan kemahiran ejaan, bacaan dan kemahiran mengira murid berkeperluan khas. Melalui pembelajaran pengajaran dan pembelajaran yang lebih fleksibel, diharapkan agar pelajar bermasalah pembelajaran ini dapat menjadi individu yang dihasratkan iaitu mampu berdiskari, berdisiplin, bersikap positif, bermoral dan beretika serta mampu menyumbang kepada masyarakat, agama dan negara.

SARI PUSTAKA

SARI PUSTAKA BIL 1/2012

ISSN : 1675-0241


SINOPSIS BUKU



ZURAIDAH ABDUL
RAHMAN
**Kaunseling dalam
pengurusan**
Shah Alam : Marshall
Cavendish (M), 2011.
245ms.
ISBN 978-967-3035-89-2

Kaunseling Dalam Pengurusan adalah perbincangan mengenai masalah, berbentuk emosional, dengan pekerja supaya dapat membantu pekerja berkenaan menyelesaikan masalahnya dengan lebih baik. Kemahiran asas kaunseling amat perlu kepada seorang pengurus yang berjaya kerana dapat membentuk pekerjanya dalam perkembangan kendiri, berkeyakinan, dan sentiasa berdaya cipta serta kreatif. Pengurus yang mempunyai kelayakan kaunseling tidak bererti mereka boleh menjadi kaunselor yang berkesan kerana kurang faham masalah pekerja atau dibeban dengan tugas organisasi yang lain tetapi salah satu elemen untuk menjadi kaunselor yang cemerlang perlu mempunyai keupayaan menyimpan rahsia. Buku ini turut memberi contoh dan panduan bagaimana untuk menjalankan sesi kaunseling yang berkesan. Kemahiran memberi perhatian, mendengar dengan aktif dan memberi respons juga menjadi isi kepada buku ini serta pelbagai lagi perkara yang berkaitan dengan kaunseling ada terkandung di dalamnya. Banyak kegunaan dan manfaat buku ini kerana ianya boleh diamalkan oleh semua pembaca sama ada ibu bapa, guru, pensyarah dan peringkat pengurus.

SINOPSIS BUKU



SAPORA SIPON
Kaunseling kelompok
Nilai, Negeri Sembilan :
Penerbit Universiti Sains
Islam Malaysia, 2011.
222ms.
ISBN 978-967-5295-77-5


Kaunseling kelompok merupakan satu proses interpersonal dinamik yang memberi tumpuan kepada pemikiran dan tingkah laku sedar. Ia adalah sejenis perkhidmatan menolong yang dilakukan secara berkelompok dengan tujuan menolong lebih ramai individu yang mempunyai masalah yang sama dan di satu masa yang sama. Terdapat pelbagai jenis kaunseling kelompok yang sering digunakan dalam sesi kaunseling berdasarkan keperluan. Kaunseling kelompok perlu dirancang secara praktikal untuk mewujudkan sesi kaunseling yang kondusif. Proses kaunseling kelompok terdiri dari 15 peringkat, bermula dari berlegar-legar sehingga perubahan tingkah laku dalam kelompok. Ketua kelompok mempunyai kemahiran memimpin dan gaya pimpinan tertentu. Ia juga harus mengetahui beberapa kemahiran asas kaunseling bagi melancarkan sesi kaunseling. Isu-isu dan rasional dalam kaunseling kelompok juga turut dibincangkan di dalam buku ini.

SARI PUSTAKA

SARI PUSTAKA BIL 1/2012

ISSN : 1675-0241

SINOPSIS BUKU



YAHYA DON DAN
YAAKOB DAUD

**Kompetensi kepimpinan
dan budaya sekolah
berprestasi tinggi di
Malaysia**

Sintok, Kedah : Penerbit
Universiti Utara Malaysia,
2011. 157ms.
ISBN 978-967-5311-79-6


Buku ini dapat dijadikan asas panduan kepada pentadbir sekolah, guru-guru dan ibu bapa untuk memahami perkembangan kepimpinan pendidikan dan pembentukan budaya sekolah berprestasi tinggi di Malaysia. Ia berkisar kepada kompetensi emosi yang memainkan peranan penting dalam proses kepimpinan dan pembentukan budaya sekolah yang menjadi tunjang kepada peningkatan bilangan sekolah-sekolah berprestasi tinggi di Malaysia. Kompetensi emosi pemimpin berupaya mempengaruhi pembentukan budaya sekolah yang cemerlang. Emosi dan budaya merupakan aspek penting dalam penjanaan tingkah laku pemimpin sekolah dalam usaha memotivasi guru-guru. Buku ini memberi fokus pengetahuan pembaca berkaitan teori, model dan konsep-konsep kepimpinan dalam pendidikan dan teori budaya sekolah berprestasi tinggi yang merupakan asas penting untuk meningkatkan kecemerlangan dan keberkesanan sekolah dalam menjana kemajuan dan pencapaian pelajar.

SARI PUSTAKA

SARI PUSTAKA BIL 1/2012

ISSN : 1675-0241

SINOPSIS BUKU




YAZID ABDUL MANAP
**Menerokai
kegemilangan saintis
Islam**

Shah Alam : Karya
Bestari, 2011. 282ms.
ISBN 978-967-86-0384-3

Sains adalah ilmu yang diwarisi turun temurun, bermula dari zaman Nabi Adam sehingga ke zaman Nabi Muhammad S.A.W. Sebelum kemunculan sains moden pada tahun 1600, falsafah sains terdiri daripada 3 komponen utama iaitu sains tabii, matematik dan metafizik. Sains bermula dengan asal usul kejadian manusia yang berasal daripada tanah dan mempunyai komposit-komposit yang menjelaskan sains. Terdapat beberapa ciri-ciri seorang saintis seperti sifat tekun dan ingin tahu. Etika sains menurut perspektif Islam ialah untuk menjaga bumi dan alam sekitar, bukan untuk merosakkannya. Buku ini juga menyebut tentang kehebatan dan kejayaan idola-idola dalam sains, rahsia pemakanan saintis Islam serta nutrisi yang terkandung di dalam makanan tersebut dan juga rahsia solat dari sudut sains yang berkait dengan kecerdasan, kesihatan, ketenangan, penglihatan dan kecemerlangan.

SINOPSIS BUKU




Menggapai kejayaan : laluan sukses 25 anak Malaysia

Kuala Lumpur : Berita
Pub., 2011. 139ms.
ISBN 978-967-969-613-4

Ramai daripada orang ternama di Malaysia sekarang melalui liku hidup yang penuh getir untuk mencapai kejayaan. Kandungan buku ini adalah himpunan artikel daripada majalah *Malaysian Business* yang mengetengahkan cerita usaha dan kejayaan individu dalam pelbagai bidang. Buku ini menghimpunkan tentang kisah hidup 25 orang anak Malaysia dalam mengejar impian hidup mereka hingga ke puncak kejayaan yang boleh dijadikan teladan untuk diikuti. Antara individu yang dibincangkan di dalam buku ini adalah Datuk Wong Siew Hai yang terlibat dalam industri elektronik, Bill Keith dalam bidang fesyen, Eric Leong dalam bidang hiasan dalaman, Dato' A. Samad Said dalam bidang sastera, Aznil Nawawi dalam bidang pengacaraan serta beberapa tokoh dalam pelbagai bidang seperti kosmetik, tekstil, arkitek dan penulisan. Melalui pembacaan buku ini, pembaca mampu menjadikan sejarah hidup mereka sebagai ikutan ataupun landasan untuk menggapai kejayaan.

SINOPSIS BUKU



MOHD JURAIMY HAJI
KADIR

**Menyingkap sejarah dan
perkembangan akrobatik
motosikal Wira Merah Kor
Polis Tentera Diraja**

Bandar Baru Nilai, Negeri
Sembilan : Universiti Sains
Islam Malaysia, 2011.

117ms.

ISBN 978-967-5295-76-8

Buku ini merupakan satu usaha mendokumenkan aktiviti-aktiviti dan perkembangan Tim Akrobatik Motosikal Wira Merah yang telah dilaksanakan sejak tahun 1963 hingga tahun 2011. Wira Merah mendapat namanya daripada keberanian anggota kumpulan tersebut yang sentiasa mempamerkan aksi-aksi berani, cekal dan yakin. Anggota kumpulan bukan sahaja menunggang dengan aksi bahaya tetapi dari aspek membina semangat berpasukan, disiplin, patuh pada arahan ketua ditonjolkan semasa persembahan mereka. Tujuan penulisan buku ini merupakan sebagai bahan rujukan kepada peminat serta warga Kor Polis Tentera Diraja yang sentiasa dahagakan maklumat dan pengetahuan mengenai Wira Merah. Aksi-aksi menarik Wira Merah semasa mengadakan persembahan di dalam dan juga di luar negara turut dimuatkan dalam buku ini. Diharap buku ini dapat memberi gambaran yang lebih jelas tentang perkembangan Tim Akrobatik Motosikal Wira Merah.

SINOPSIS BUKU




Mulakan kerja dengan doa. Ed. kemas kini

Batu Caves, Selangor :
PTS Islamika, 2012. 53ms.
ISBN 978-967-366-127-5

Doa merupakan senjata yang penting dalam kehidupan harian umat Islam. Himpunan doa yang dibawa kepada pembaca oleh Wan Shuhairi Wan Mohamad adalah ringkas dan mudah untuk diamalkan. Doa yang diajar kepada kita melalui buku ini merupakan doa yang boleh dijadikan amalan harian supaya kita menjadi insan yang sentiasa tenang, sabar dan bersungguh-sungguh dalam menjalankan kehidupan harian. Sebagai contoh doa untuk pekerja, doa untuk pemimpin, doa untuk pendidik, doa untuk peniaga dan doa untuk pasukan keselamatan. Seringkali tertanya-tanya kenapa kadangkala doa yang dipohon tidak dimakbulkan. Ini dapat dijawab oleh penulis di dalam buku ini tentang adab berdoa, waktu dan tempat yang baik untuk berdoa. Buku kecil yang mengandungi 53 mukasurat ini agak nipis dan mudah dibawa ke mana-mana sahaja serta boleh dibaca oleh semua muslimin dan muslimat.

SINOPSIS BUKU



AL-BANJARI, RACHMAT
RAMADHANA
Orang Islam harus kaya
Batu Caves, Selangor : Al-
Hidayah House of
Publishers, 2011. 252ms.
ISBN 978-967-5984-70-9

Buku ini ditulis bagi memenuhi khazanah ilmu berunsur islamik. Penulis cuba memasukkan konsep llahi supaya dapat dijadikan pelengkap agar dapat menjawab semua kemusykilan pembaca yang inginkan suatu kaedah menyeluruh yang menyentuh aspek lahiriah serta batiniah. Panduan ini penting bagi membasmi kemiskinan, sekaligus sebagai penyelesaian atau jalan keluar dalam memperbaiki keadaan ekonomi umat Islam yang kian kompleks. Seiring dengan perkembangan zaman, bukan sedikit orang yang memilih jalan pintas bagi mencari jalan keluar bagi mencapai tujuan masing-masing. Ada antaranya yang menyekutukan-Nya kerana sanggup meminta bantuan daripada tuhan yang lain. Buku ini sesuai dijadikan panduan bagaimana untuk membangunkan ketakwaan dan kesedaran bagi persediaan kesabaran diri dalam menempuh ujian. Sesiapa yang ingin membuktikan perkara ini, maka dia perlu menempatkan niat, keyakinan, tujuan, maksud dan harapannya hanya kepada Allah S.W.T.

SARI PUSTAKA

SARI PUSTAKA BIL 1/2012

ISSN : 1675-0241

SINOPSIS BUKU



MUHAMAD YUSOF DAN
HASNIDAR

**Panduan keselamatan
untuk anak anda : tip
dan teknik yang dapat
menyelamatkan nyawa
anak anda**

Petaling Jaya : True
Wealth, 2011. 157ms.
ISBN 978-967-5428-78-4


Buku panduan ini dihasilkan untuk memberikan pengajaran dan menyalurkan maklumat terpeinci betapa pentingnya keselamatan kanak-kanak dari usia bayi hingga remaja. Buku ini juga menerangkan akan keperluan menjaga keselamatan kanak-kanak oleh ibu bapa atau penjaga daripada pelbagai aspek. Hidup di dalam dunia yang begitu kompleks mendedahkan kanak-kanak kepada pelbagai jenis bahaya yang berbeza. Kemalangan boleh berlaku di mana-mana sahaja tanpa mengira waktu. Justeru, buku ini memberikan tip-tip berguna bagi mencegah ataupun bertindak sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini kepada anak-anak. Pengetahuan tentang bagaimana mahu menjadikan rumah sebagai tempat yang selamat untuk anak-anak dapat memberikan ketenangan pada setiap ibu bapa dan penjaga. Dalam apa jua keadaan, kebaikan praktik pencegahan adalah amat diperlukan berbanding mengubati dalam menjamin keselamatan anak-anak.

SARI PUSTAKA

SARI PUSTAKA BIL 1/2012

ISSN : 1675-0241


SINOPSIS BUKU



Parental control
Batu Caves, selangor :
PTS Netmedia, 2011.
89ms.
ISBN 978-967-0185-20-0

Pada masa kini, teknologi internet bergerak dengan pantas. Sejak kecil, anak-anak didedahkan dengan internet dan mereka menjadi lebih mahir daripada kita bahkan ini mendorong anak-anak menjadi lebih kreatif dan pintar. Bermacam informasi dan hiburan tersedia di internet, sama ada yang positif ataupun negatif. Kini, lebih banyak perkara negatif yang mudah diperolehi melalui internet. Ini perlu dikawal supaya ia tidak mempengaruhi corak pemikiran dan perkembangan anak-anak. Melalui buku *Awasi Anak Berinternet* ini, ibu bapa mendapat maklumat bagaimana mengelakkan impak negatif internet daripada dilayari oleh anak-anak. Buku ini juga memuatkan panduan menggunakan aplikasi *Parental Control* yang terdapat di dalam sistem *Windows* di dalam komputer kita. Ibu bapa dapat mengikuti panduan langkah demi langkah ini dengan mudah dan cepat.

SINOPSIS BUKU




MOHD ZURI GHANI
**Pengantar pendidikan
khas**

Pulau Pinang : Penerbit
Universiti Sains Malaysia,
2011. 305ms.
ISBN 978-983-861-517-4

Buku ini ditulis bagi memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran bagi golongan istimewa di negara ini. Ia selaraskan mengikut keperluan kurikulum pendidikan khas di universiti awam dan swasta yang menawarkan kursus pendidikan khas. Buku ini diolah dengan menggunakan ayat yang mudah, disertakan dengan statistik dan ilustrasi bagi memudahkan pemahaman pembaca. Aspek etiologi, ciri, punca dan sebab berlaku atau lahirnya anak-anak istimewa turut dibincangkan dalam buku ini. Di samping itu, ia juga membincangkan mengenai identifikasi awal dan cadangan, pendekatan serta teknik untuk berhadapan dengan golongan ini. Pendekatannya yang ringkas menjadikan buku ini sesuai dijadikan panduan dan rujukan kepada ibu bapa dan masyarakat untuk lebih memahami golongan istimewa ini.

SINOPSIS BUKU




SHUKRI AHMAD
Pengaruh pemikiran ulama di semenanjung Malaysia akhir abad ke-20

Sintok, Kedah : Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2011. 289ms.
ISBN 978-967-5311-75-8

Tumpuan buku ini dihadkan ke negeri-negeri Pantai Barat semenanjung Tanah Melayu abad ke 19 Masihi dalam memahami kepentingan dan peranan ulama di mana penduduk kawasan tersebut mempunyai kemajmukan ras dan etnik yang lebih banyak. Ulama ialah golongan sarjana Islam yang menjadi pemelihara, penterjemah dan menyampaikan ajaran meliputi akidah dan undang-undang Islam. Terdapat beberapa pengelasan ulama menurut al-Quran dan Fiqh, Hadis dan mengikut disiplin ilmu. Peranan ulama-ulama tradisional berbeza berdasarkan peranan keilmuan dan pemantapan pemikiran Syariat dan Tasawuf. Manakala, peranan ulama reformis lebih menjurus kepada penglibatan dalam aspek agama, pendidikan dan politik. Buku ini juga menganalisis tentang penglibatan ulama dan penyertaan mereka di dalam beberapa pilihan raya di Malaysia sehingga 1999.

SINOPSIS BUKU




ANUAR ALIAS DAN AZLAN
SHAH ALI
**Pengurusan
penyenggaraan dan
pengubahsuaian
bangunan**

Batu Pahat, Johor : Penerbit
Universiti Tun Hussein Onn
Malaysia, 2011. 174ms.
ISBN 978-967-5457-37-1

Anuar Alias dan Azlan Shah Ali akan membawa pembaca memahami definisi, matlamat dan fungsi pengurusan penyenggaraan dalam mencapai objektif pengurusan bangunan yang lebih berkesan berkaitan konsep fasiliti dan pengurusan penyenggaraan. Penulis turut menjelaskan konsep pengurusan harta yang dapat membantu proses mendapatkan pulangan modal yang setimpal dengan jumlah modal yang dikeluarkan, mendapatkan pendapatan optimum melalui penyewaan dan penjualan dan memulihara serta menjaga harta ditahap yang baik. Selain pemasaran dan pengeluaran, faktor pengurusan penyenggaraan dan baikpulih, peraturan dan arahan kerja, penyenggaraan peralatan-peralatan dan aspek kawalan yang terdapat di dalam bangunan juga amat penting supaya pengendalian peralatan secara optimum dengan penggunaan semua kemudahan dapat mengurangkan kadar kos penyelenggaraan juga kos-kos yang lain. Memiliki buku ini dapat memberi bimbingan kepada pemilik, penyewa dan pembeli bangunan.

SINOPSIS BUKU



ABDUL RAHMAN ABDUL MAJID KHAN
Penyeliaan klinikal dari perspektif pengajaran di sekolah
Batu Caves, Selangor :
PTS Professional Pub.,
2011. 208ms.
ISBN 978-967-369-117-3

Buku ini menerangkan mengenai kaedah penyeliaan yang sistematik dalam urusan mendiagnosis dan merawat proses pengajaran dan pembelajaran di kelas. Topik-topik yang diterangkan dibahagi kepada 10 bab. Antara topik-topik yang dibincangkan ialah asas-asas yang menuntut kepada pengajaran dan penyeliaan yang berkesan, prasyarat dan keperluan menjadi penyelia klinikal dari aspek pengetahuan, kemahiran teknikal dan komunikasi serta pemurniaan penyeliaan klinikal dengan penggabungjalinan teori kepada amalan. Penulis turut menyelitkan insiden-insiden daripada pengalaman beliau sendiri sebagai penyelia dan bagaimana pilihan gelagat perlakuan penyelia berasaskan kontinum dipadankan dengan dengan situasi-situasi yang pelbagai. Pada bahagian akhir buku ini terdapat pelbagai lampiran surat-surat pekeliling yang berkaitan serta instrumen tradisional yang diguna pakai dalam urusan pencerapan klinikal di sekolah-sekolah.


SINOPSIS BUKU



MOHD. GHANI AWANG
**Persediaan melangkah
ke dunia pekerjaan**
Kuantan : Penerbit
Universiti Malaysia
Pahang, 2011. 176ms.
ISBN 978-967-0120-31-7

Banyak perkara yang perlu diketahui bagi pelajar yang baru menamatkan pelajaran dari universiti atau bagi individu yang sedang mencari pekerjaan. Di antaranya ialah maklumat tentang pekerjaan tersebut, maklumat tentang kaedah memohon ke jawatan tersebut, maklumat tentang alam kehidupan semula jadi mengenai pekerjaan tersebut di samping perkara-perkara lain. Pengetahuan tentang kerjaya tersebut adalah amat penting dan ini akan mempengaruhi prestasi kerja seseorang. Selain itu, pelajar perlu temui beberapa orang yang berpengalaman yang berjaya dalam kerjaya tersebut. Faktor lain, termasuklah tentang kebolehan, kelayakan, imbuhan, perkembangan kerjaya, masalah organisasi dan kaunseling kerjaya jawatan tersebut. Rancanglah dengan sebaik mungkin dari segi tempat kerja, dengan siapa kita bekerja, etika kerja yang kita inginkan dan pergaulan dalam organisasi tempat kita bekerja.


SINOPSIS BUKU



Persekutuan dan kesihatan masyarakat
Sintok, Kedah : Penerbit
Universiti Utara Malaysia,
2011. 241ms.
ISBN 978-967-5311-78-9

Perubahan pada ciri-ciri biologi, kimia dan fizik persekitaran yang tidak diingini telah memberi kesan negatif kepada hidupan di muka bumi ini yang berpunca daripada pelbagai sumber seperti pertanian, domestik, industri, kenderaan bermotor dan rekrasi yang menghasilkan pelbagai bahan pencemar persekitaran menjadi penyebab kepada proses pencemaran udara, air dan sebagainya. Tulisan dan kajian yang terkandung dalam buku ini telah membincangkan kepelbagaian isu dan persoalan yang telah dikupas oleh para penyelidik dan cendikiawan serta ilmuan untuk difikirkan bersama pembaca. Kupasan dan buah fikiran yang diluahkan oleh para ilmuan ini dapat memberi inspirasi kepada pembaca dalam membantu menyelesaikan isu alam sekitar. Bagaimana untuk menyeimbangkan antara pembangunan, kualiti alam sekitar dan kesihatan masyarakat menjadi fokus perbincangan supaya tidak melanggar etika dan prinsip kehidupan kerana ketiga-tiga elemen ini amat penting dalam melestarikan wawasan, misi dan visi sesebuah negara. Sebagai masyarakat yang cintakan alam sekitar perlu memiliki buku ini.


SINOPSIS BUKU



NUR AFIFAH VANITHA
ABDULLAH
**Persembahan
bangsawan Di Sarawak**
Kota Samarahan, Sarawak
: Bahagian Penerbitan
Universiti Malaysia
Sarawak, 2011. 308ms.
ISBN 978-967-552-723-4

Buku ini membincangkan perkembangan dan perubahan persembahan bangsawan di Sarawak sekitar awal abad ke-20 oleh kumpulan-kumpulan bangsawan dari Tanah Melayu dan Singapura. Sekitar 1930-an, masyarakat tempatan di Sarawak mula mementaskan bangsawan di sekitar kampung Melayu di sepanjang pesisir pantai. Buku ini juga memperincikan perkembangan dan perubahan bangsawan di Sarawak selari dengan suasana politik, ekonomi dan sosial masyarakat Melayu pada tahun 1914 hingga 2004. Kandungan buku ini mengenalpasti empat fasa persembahan bangsawan di Sarawak iaitu “bangsawan Tanah Melayu dan Singapura”, “bangsawan kampung”, “bangsawan 1980-an” dan “bangsawan Sarawak”. Setiap fasa bangsawan ini dibincangkan dalam konteks tiga komponen penting persembahan iaitu faktor persekitaran, *production mode* dan proses persembahan. Melalui pembacaan buku, pembaca akan dapat mengetahui dengan lebih mendalam mengenai sejarah bangsawan serta perbezaan dan persamaan jenis persembahan bangsawan di Sarawak.

SINOPSIS BUKU



WITT, CHRISTOPHER
DAN FETHERLING, DALE
**Real leaders don't do
PowerPoint = Hebat
tanpa PowerPoint. Ed.
bahasa Melayu**
Batu Caves, Selangor :
PTS Professional Pub.,
2011. 219ms.
ISBN 978-967-369-124-1

Buku ini dijadikan panduan yang mudah difahami dan cepat dibaca berkenaan cara menjadi pemimpin yang berkesan dan memukau semasa berucap, menyampaikan semua maksud buah fikiran, hasrat dan cita-cita kepada pendengar. Panduan yang terkandung di dalam buku ini dipecahkan kepada empat bahagian utama. Bahagian pertama mengenai mengenal diri sendiri supaya dapat digunakan bagi mempengaruhi perasaan dan cara berfikir pendengar. Bahagian ke dua menunjukkan cara memperincikan tujuan ucapan dan fokus perkara. Bahagian ke tiga mengajar teknik dan kaedah membentuk isi-isi utama supaya menjadi lebih terpengaruh manakala bahagian ke empat adalah menyentuh cara penyampaian ucapan berkesan, mengendali hadirin dan sesi soal jawab. Melalui pembacaan buku ini, akan dapat membantu pembaca meningkatkan keyakinan berucap di depan hadirin.

SINOPSIS BUKU



TRACY, BRIAN
**Reinvention. Ed. bahasa
Melayu**
Batu Caves, Selangor : PTS
Professional Pub., 2011.
180ms.
ISBN 978-967-369-111-1


Buku berupa motivasi ini merupakan terjemahan daripada judul yang sama dalam bahasa Inggeris karya Brian Tracy. Ia mendedahkan teknik-teknik dan memberikan inspirasi kepada pembaca dalam menjadikan kehidupan yang seterusnya adalah kehidupan yang terbaik dari sekarang. Kemahiran untuk bertahan dan menilai kehidupan dapat meningkatkan kesihatan, kegembiraan dan tahap kepuasan hidup. Melalui buku ini, pembaca akan sedar tentang beberapa perkara yang berguna dalam membolehkan kita menjimatkan bulan atau tahun dalam hidup mereka bagi mencipta semula diri dan menjadi orang yang diinginkan. Biarpun masa hadapan bukan perkara yang pasti, namun apabila membaca buku ini, seperkara yang pasti adalah hayat yang masih berbaki ini akan menjadi saat yang terbaik dalam hidup kita.

SARI PUSTAKA

SARI PUSTAKA BIL 1/2012

ISSN : 1675-0241


SINOPSIS BUKU



ABD. MANAF AHMAD
**Sejarah perlembagaan
Malaysia**
Shah Alam : Grup Buku
Karangkraf, 2011. 202ms.
ISBN 978-983-124-700-6

Buku ini menceritakan secara terperinci tentang proses penggubalan Perlembagaan Malaysia sebelum kemerdekaan Tanah Melayu dan cabaran yang dihadapi sepanjang menuntut kemerdekaan. Ia turut menceritakan tentang kronologi sejarah Malaysia sejak awal kurun Masihi sehingga kepada penubuhan Tanah Melayu sebelum ditukarkan nama kepada Malaysia. Proses pilihanraya pertama yang diadakan pada 1955 telah menjadi titik tolak kepada pembinaan Perlembagaan Malaysia yang menyaksikan kemenangan Parti Perikatan yang diwakili oleh tiga kaum utama di Tanah Melayu pada ketika itu. Perlembagaan Tanah Melayu telah dibentuk oleh parti pemerintah selepas keputusan pilihanraya yang pertama diumumkan, seterusnya membuka ruang kepada pemerintahan negara sendiri tanpa melibatkan campur tangan pihak British dan membuka ruang kemerdekaan kepada Tanah Melayu.


SINOPSIS BUKU



AHMAD FADZLI DAN
ABOOAIN
**Teknik pemasaran
perniagaan internet :
ketahui 5 teknik terpanas
yang efektif**
Petaling Jaya : True Wealth,
2011. 167ms.
ISBN 978-967-542-854-8

Buku ini mendedahkan tentang pelbagai teknik pemasaran yang boleh dipraktikkan oleh setiap usahawan Internet bagi mereka yang baru ingin menceburi peniagaan Internet. Buku ini memaparkan teknik terpantas pemasaran perniagaan Internet. Fokus utama adalah kepada pemilihan *web-hosting*, penghasilan senarai e-mel yang responsif, memaksimumkan pemasaran e-mel dan forum serta bertindak aktif dengan pemasaran viral. Teknik dan kaedah yang terdapat di dalam buku ini boleh disesuaikan mengikut keadaan dan jenis perniagaan. Setiap teknik mempunyai kelebihan tersendiri dan telah diamalkan oleh seluruh usahawan Internet yang telah berjaya. Melalui pembacaan buku ini, usahawan internet serta peminat perniagaan internet akan berjaya mempelbagaikan teknik pemasaran Internet serta dapat mengetahui lebih banyak teknik pemasaran yang sangat efektif sekaligus akan menjana lebih banyak keuntungan.

SINOPSIS BUKU



ABDUL FATAH ZAKARIA
Tidurnya mereka 309 tahun
Kuala Lumpur : Must Read, 2011. 175ms.
ISBN 978-967-5426-62-9

Buku ini secara umumnya menceritakan tentang kisah yang terdapat di dalam surah Al-Kahfi. Ia mengandungi ayat (1-110) dari surah tersebut beserta tafsirannya. Buku ini dimulakan dengan kisah Ashabul Kahfi iaitu 7 orang penghuni gua yang beriman kepada Allah yang telah ditidurkan tanpa makan dan minum selama 309 tahun. Ia juga mengandungi cerita tentang kisah Nabi Musa yang menuntut ilmu dengan Nabi Khadir serta sifat tawaduk dan merendah diri Baginda kepada gurunya. Selain itu, buku ini juga menceritakan tentang kisah Iskandar Zulkarnain, seorang raja yang beriman kepada Allah dan menjalankan pemerintahannya dengan adil dan saksama. Terdapat dua pengajaran yang boleh diambil daripada buku ini iaitu iman hendaklah dijaga dan dipelihara dan kita hendaklah berusaha mencari ilmu agar tidak terpesong daripada ajaran Allah.

SINOPSIS BUKU



MOHD HARITH AHMED
KHALIL
**Tip membeli kereta
terpakai**

Shah Alam : Grup Buku
Karangkraf, 2011. 91ms.
ISBN 978-983-124-744-0

Membeli kereta terpakai merupakan penyelesaian alternatif kepada mereka yang kurang berkemampuan dan memerlukan kendaraan untuk kegunaan harian. Buku ini memberi panduan lengkap tentang proses membeli kereta terpakai. Sebagai seorang pembeli, pengguna seharusnya mempunya sedikit pengetahuan tentang kereta yang hendak dibeli. Terdapat beberapa faktor yang perlu dipertimbangkan sebelum pembelian sesebuah kereta terpakai dimuktamadkan. Bakal pembeli seharusnya membeli kereta ini secara profesional, iaitu memastikan pembelian yang dilakukan adalah berbaloi dengan jumlah yang dibayar. Pembeli juga harus bersedia dari sudut psikologi iaitu dengan mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kereta yang hendak dibeli dan merancang pembelian secara tersusun. Garis panduan yang sesuai juga perlu digunakan seperti membuat tinjauan di beberapa tempat yang berlainan sebelum membuat keputusan. Ujian teknikal merupakan perkara paling penting sebelum memutuskan pembelian sesebuah kereta. Sekiranya semua kriteria berada dalam keadaan baik, maka pembelian boleh dilakukan.

SINOPSIS BUKU



HENG, JENNY GEK
KOON

**Trend periklanan
majalah Melayu dan
Inggeris di Malaysia**

Bangi, Selangor : Medium
Publications, 2011.

165ms.

ISBN 978-967-5373-11-4

Buku ini bertujuan menyingkap pencapaian terkini pendapatan iklan majalah wanita Melayu berbanding majalah wanita Inggeris. Buku ini juga akan menjawab persoalan apakah komponen (jenis produk, pengiklan, ruang iklan dan sebagainya) dalam pendapatan iklan untuk kedua-dua jenis majalah. Buku ini turut mengupas jurang perbezaan pendapatan iklan terkini antara majalah wanita Melayu dan Inggeris yang memiliki sirkulasi paling tinggi. Selain itu dibincangkan juga kadar keupayaan memperoleh pendapatan melalui iklan yang melibatkan elemen kadar iklan, diskaun sisipan, komisen agensi periklanan, kos per seribu (CMP) dan nisbah halaman iklan kepada editorial setiap majalah. Pendekatan yang digunakan dalam buku ini melalui penganalisisan data daripada sumber sekunder, analisis kandungan majalah wanita Inggeris dan Melayu yang terpilih serta kaedah temu bual semuka.

SARI PUSTAKA

SARI PUSTAKA BIL 1/2012

ISSN : 1675-0241

SINOPSIS BUKU




SALIKIN SIDEK
Variasi busana pengantin
Melayu tradisional :
rujukan khazanah
budaya

Shah Alam : Grup Buku Karangkraf, 2011. 255ms.
ISBN 978-983-124-709-9

Peradaban suatu bangsa itu dilihat bukan sahaja pada pencapaian kemajuan kemodenan, jati diri, adat dan budaya sebenarnya menjadi identiti kepada bangsa tersebut. Adat dan budaya yang indah itu perlu dikekalkan sebagai warisan kebanggaan generasi akan datang. Salah satu adat Melayu yang masih dikekalkan sehingga kini ialah adat perkahwinan. Adat perkahwinan masih lagi dapat dilangsungkan dalam lingkungan adat budaya yang indah. Biarpun kini, kebanyakkan pengantin memilih majlis yang moden dan ringkas, namun majlis seolah tidak sempurna dan berseri tanpa persalinan songket. Kain songket, fabrik kebanggaan orang Melayu ini sememangnya mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Buku ini juga merupakan usaha penulis mengekalkan dan memperkenalkan fabrik warisan ini di persada dunia fesyen tempatan dan antarabangsa.

SINOPSIS BUKU



HAMIZUL ABDUL HAMID
Zakat terapi kekayaan
Shah Alam : Karya Bestari,
2011. 436ms.
ISBN 978-967-86-0379-9

Buku ini, dibahagikan kepada beberapa topik. Antaranya, penulis membahaskan konsep harta dalam Islam, kekayaan yang diharuskan, adab dalam berharta dan kenapa Allah SWT menitahkan perintah zakat. Semuanya mempunyai rahsia tersendiri, termasuklah rahsia di sebalik kekayaan manusia yang bernama Abdul Rahman bin Auf r.a. Topik paling menarik ialah, dalam bab soal jawab zakat kerana ia memaparkan hampir keseluruhan jenis zakat harta termasuklah isu harta galian dan qada zakat yang amat jarang dibicarakan. Penulis juga memasukkan topik agihan zakat dan juga isu zakat dan cukai. Penulis berpendapat bahawa tidak ramai penulis lain yang menyentuh isu ini. Sesungguhnya, harta yang dipinjamkan itu jika ditadbir dengan baik akan memberikan ketenangan jiwa yang tidak dapat dibeli walau ditawar dengan wang berjuta.